



<http://www.mpkbri.gov.my>

[f majlisperbandarankotabharubandarrrayaislam](https://www.facebook.com/majlisperbandarankotabharubandarrrayaislam)

[mpkbri](https://www.instagram.com/mpkbri)



FESTIVAL KELANTAN JEPUN



**MURAL PERSAHABATAN
KOTA BHARU & KASAOKA**

BULETIN MPKB-BRI

SIDANG REDAKSI

Penaung

YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin
(Yang Dipertua, MPKB-BRI)

Penasihat

YBhg. En Ruzely Bin Abdullah
(Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,
Perpaduan Kaum dan Pelancongan,
MPKB-BRI)

Ketua Pengarang

YBrs. En. Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh
(Setiausaha, MPKB-BRI)

Pengarang

YBrs Haji Azman Bin Mohd Daham
(Pegarah Pengurusan Korporat)

YBrs Norliza Bt Razali
(Penolong Pengarah Pembangunan
Korporat)

YBrs Nurfatim Binti Azizan
(Penolong Pegawai Tadbir)

Editor dan Fotografi

YBrs Muhd Asyraf Bin Mad Rozali
(Pembantu Tadbir)

*" Setinggi Mana Kita Lompat,
Pasti Kita Turun Mendarat
Setinggi Mana Kita Berpangkat
Disisi ALLAH Sama Darjat "*



HAK CIPTA TERPELIHARA

JABATAN PENGURUSAN KORPORAT
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM

UCAPAN ALUAN YDP MPKB-BRI

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnianya Buletin PDF edisi keempat bagi tahun 2022 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan semangat serta komitmen yang tinggi sidang redaksi majlis dalam menerbitkan Buletin PDF. Paparan dalam buletin pdf ini menjurus kepada semua aktiviti yang telah berlangsung pada setiap setiap bulan.

Objektif Buletin PDF adalah sebagai sebuah wadah untuk satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Diharapkan penerbitan Buletin PDF ini menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada penyelaras Buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan.

Tahniah sekali lagi kepada sidang editor Buletin PDF pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Terima kasih kepada semua warga Kota Bharu.

Salam Hormat,
(YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin)
Yang Dipertua MPKB-BRI

FESTIVAL KELANTAN - JEPUN 2022



FESTIVAL KEBUDAYAAN KELANTAN JEPUN 2022

Alhamdulillah, pada 04 Jun 2022 (Sabtu) telah berlangsungnya Festival Kebudayaan Kelantan Jepun 2022 bertempat di Mydin Mall Tunjung, Kota Bharu.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato Mohd Amar Bin Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan. Sempena festival tersebut, pelbagai acara menarik disajikan kepada pengunjung antaranya Persembahan Gendang Jepun (Wadaiko), Persembahan Dikir Barat, Persembahan Wayang Kulit, Persembahan Kertuk, Persembahan Simfoni Kebudayaan Kelantan dan pelbagai lagi.



Turut diadakan Demonstrasi Pembuatan Wau, Demonstrasi Pembuatan Onde-Onde, Jualan Makanan Tradisi Jepun, dan pameran daripada agensi jemputan. Program ini telah mendapat kerjasama baik dari Consulate General Japan in Penang, Rohm Wako, Universiti Malaysia Kelantan, ALEPS dan Kasaoka City. Turut hadir termasuklah TYT Duta Jepun Mr Katsuhiko Takahashi, YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam Bin Ab Rahman - EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, rombongan Dato Yoshioka, Honorary Chairman Rohm Wako Japan dan pegawai-pegawai dari Kasaoka City, Japan.





FESTIVAL KEBUDAYAAN



KOTA BHARU KELANTAN

Festival ini juga diadakan sempena dengan Ulang tahun Ke 40 Dasar Pandang Ke Timur (Look East Policy) dan merupakan tahun ke 3 festival ini diadakan di Kota Bharu dan InshaAllah akan diteruskan lagi pada masa hadapan.



MURAL PERSAHABATAN KOTA BHARU & KASAOKA



Mural ini menandakan Ulang Tahun ke-20 Bandar Persahabatan antara Kota Bharu dan Kasaoka yang telah dimeterai sejak tahun 1999.



Pembikinan mural Kota Bharu Kasaoka telah bermula pada 29 Mei 2022 dengan kerjasama Konsulat Jeneral Jepun-Pulau Pinang, Universiti Malaysia Kelantan, Kasaoka City dan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).



SEJARAH BANDAR PERSAHABATAN KOTA BHARU DAN KASAOKA, JEPUN



Pada tahun 1986, Rohm Wako Electronics(M) Sdn Bhd memulakan pelaburan mereka dengan membuka kilang pertama di Shah Alam, Selangor.

Pada tahun 1987, Mr Lee San Ming anak tempatan Tumpat, Kelantan telah membawa Mr Yoshioka , Presiden Rohm Wako Malaysia ke Kota Bharu untuk meninjau potensi pelaburan di Kelantan.

Beliau di bawa bersama pegawai PKINK ke tapak perindustrian Pengkalan Chepa dan terus bersetuju untuk membuka kilang Rohm Wako di Kelantan.

Minatnya kepada Kota Bharu adalah kerana rupabentuk bumi Kota Bharu seakan sama dengan bandar Kasaoka, tempat asal penubuhan Wako Electric Company di Jepun.

Beliau seterusnya memaklum kepada Kerajaan Kelantan hasrat untuk memindahkan kilang Rohm Wako di Shah Alam ke Kota Bharu. Dalam masa yang singkat beliau berjaya membina kilang Rohm Wako di Kota BHaru dan telah dirasmikan pada tahun 1989 oleh KDYMM AL Marhum Sultan Azlan Shah (Yang Dipertuan Agung pada masa itu).

Beliau seterusnya memaklum kepada Kerajaan Kelantan hasrat untuk memindahkan kilang Rohm Wako di Shah Alam ke Kota Bharu. Dalam masa yang singkat beliau berjaya membina kilang Rohm Wako di Kota BHaru dan telah dirasmikan pada tahun 1989 oleh KDYMM AL Marhum Sultan Azlan Shah (Yang Dipertuan Agung pada masa itu).

Turut hadir bersama pada waktu itu ialah YAB Dato' Dr Mahathir selaku Perdana Menteri Malaysia. Pada masa yang sama Mr Yoshioka adalah Presiden pertama Rohm Wako electronics (M) Sdn Bhd yang bertapak di Kota Bharu.

Seterusnya beliau mula berkenalan dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu dengan mengatur lawatan kunjung hormat ke Mpkb dan membawa pelancong dari Kasaoka datang melawat Kota Bharu.

Ekoran dari minat beliau untuk merapatkan lagi hubungan bandar Kasaoka dengan Kota BHaru, beliau telah menawarkan untuk menghantar seorang pegawai dari Mpkb untuk ke Jepun selama setahun bagi menjalani program latihan pertukaran pegawai anjuran Kerajaan Jepun dan Kasaoka City.

Akhirnya En Azman Mohd Daham, selaku Pegawai Perhubungan Awam Mpkb pada masa itu telah dipilih untuk menalani latihan tersebut bermula Mei 1999 hingga Mac 2000. En Azman telah berjaya menamatkan latihan dengan cemerlang di Kasaoka City dan pada bulan 20 Oktober 1999, satu majlis bandar persahabatan atau Handshake City telah berjaya dimeterai oleh kedua belah pihak di Kasaoka Grand Hotel dan turut dihadiri oleh Yang Dipertua Mpkb pada waktu itu; YB Allahyarham Tuan Haj Hussin b Ahmad.Turut hadir pada waktu itu Setiausaha Mpkb, Haji Aziz Mat Hassan dan pegawai-pegawai kanan Mpkb.

Selepas En Azman menamatkan latihan di Kasaoka, beliau terus memainkan peranan meneruskan agenda bandar persahabatan dengan melaksanakan pelbagai program termasuklah program pertukaran pelajar, program silang budaya dan program latihan.

Boleh dikatakan setiap tahun sejak terjalin persahabatan dengan Kasaoka pada tahun 1999, lawatan ke Jepun telah diadakan. Antara program yang berjaya dilaksanakan termasuklah lawatan pelajar sekolah ke Jepun, pertandingan bola sepak pelajar Kota BHaru dan Kasaoka dan lawatan oleh Lembaga Pengarah Perbadanan Muzium Kelantan.

SEJARAH BANDAR PERSAHABATAN KOTA BHARU DAN KASAOKA, JEPUN



SEJARAH BANDAR PERSAHABATAN KOTA BHARU DAN KASAOKA, JEPUN



Turut hadir ke Jepun saban tahun termasuklah Yang Dipertua Mpkb, Setiausaha Mpkb, Ahli Majlis dan pegawai kanan Mpkb. Pada tahun 2019 acara kemuncak sempena sambutan Ulangtahun ke 20 Bandar Persahabatan Kasaoka Kota Bharu telah diadakan di Kasaoka, Jepun.

Rombongan dari Kelantan diketuai oleh YB Dato Hj Mohd Amar Abdullah selaku Timbalan Menteri Besar Kelantan telah ke Kasaoka bagi menghadiri majlis tersebut.



Turut hadir YB Dr Hj Izani Husin EXCO Kerajaan tempatan, Ahli-ahli Majlis Mpkb, Yang Dipertua serta pegawai kanan Mpkb. Pada tahun 2008 Mr Yoshioka telah menrima Anugerah Darjah Kebesaran dari Sultan Kelantan yang membawa gelaran Dato' Paduka atas jasa beliau membawa pelaburan bernilai tinggi ke Kelantan dan juga usaha beliau dalam persahabatan Kota Bharu dan Kasaoka.

Sebagai ketandaan persahabatan ini beliau telah membina sebuah Menara Jam Persahabatan di hadapan Pasar Siti Khadijah dan pada tahun 2019 beliau sekali lagi telah menaja pembinaan Taman Keamanan Jepun Kota Bharu di Taman Al Fursan, Pengkalan Chepa.

Pada tahun 2020 dan 2021 oleh kerana pandemik Covid melanda dunia, tiada aktiviti diadakan antara kedua buah bandar. Namun pada tahun 2022 setelah fasa endemik bermula pada 1 Mei 2022, pelbagai program telah diatur termasuklah melaksanakan projek mural, lukisan dinding Kota Bharu Kasaoka dengan kerjasama Konsul Japan Penang, Kasaoka City dan pelajar UMK.

Selain itu lawatan dari Kasaoka diketuai oleh Dato Yoshioka akan hadir juga ke Kota BHARU pada 4 Jun 2022 untuk hadir ke Festival Kelantan Jepun yang akan diadakan di Mydin Tunjong. Ternyata hubungan Kota BHARU dan Kasaoka terus berkembang terjalin dengan erat.

Segalanya adalah atas usaha Dato Yoshioka selaku Pengerusi Kehormat Rohm Wako Japan yang bercita-cita besar untuk terus mengukuhkan pelaburan di Kelantan disamping menjalinkan hubungan baik Kota Bharu dan Kasaoka.



LAWATAN MAJLIS DAERAH SIMUNJAN, SARAWAK



LAWATAN MAJLIS DAERAH SIMUNJAN, SARAWAK

22 Jun 2022, Kota Bharu - Pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam telah menerima kunjungan daripada Majlis Daerah Simunjan, Sarawak.

Kunjungan seramai 28 orang termasuk 20 Ahli Majlis dan 7 Pegawai Kanan itu diketuai oleh YABrs. Tuan Abdul Khalid Bin Manap, Pengerusi Majlis Daerah Simunjan. Turut bersama-sama rombongan ialah YB Tuan Awla Bin Dris, ADUN Simunjan.



Semoga kunjungan hormat ini dapat menjalinkan hubungan baik antara Pihak Berkuasa Tempatan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

GOTONG ROYONG BANDAR SATELIT ISLAM, PASIR TUMBOH



KOTA BHARU, KELANTAN



Pada 16 Jun 2022 telah berlangsungnya Program Gotong Royong Perdana bagi membersihkan kawasan Bandar Satelit Islam Pasir Tumbuh.

Program kerjasama MPKB-BRI dan MSO Corporation ini turut mendapat sokongan daripada YB Adun Pasir Tumbuh, Ahli-Ahli Majlis MPKB-BRI, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Pelajar-Pelajar Sekolah, Pelajar Pondok, Para peniaga dan turut disertai pegawai-pegawai kanan dan pihak pengurusan MPKB-BRI demi memastikan keceriaan dan keindahan Bandar Satelit Islam Pasir Tumbuh sentiasa dalam keadaan yang baik.





Pihak Majlis juga berharap agar selepas ini kerjasama penduduk setempat, para peniaga dan pengunjung dapat sama-sama membantu menjaga kebersihan kawasan tersebut agar sentiasa Bersih, Indah dan Ceria.

